

## Tingkah Laku Keibubapaan dan Penyesuaian Tingkah Laku Anak dalam Keluarga Berisiko di Luar Bandar

ZARINAH ARSHAT, ROZUMAH BAHARUDIN, RUMAYA JUHARI & ROJANAH KAHAR  
*Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga*  
*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia*  
 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

**Kata kunci:** Tahap resiliensi, analisis regresi, estim diri, tingkah laku keibubapaan

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan di antara faktor latar belakang keluarga (pendidikan ibu, pendapatan keluarga dan bilangan anak) dan kualiti tingkah laku keibubapaan dengan penyesuaian tingkah laku anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik) dalam keluarga berisiko. Seramai 201 pasangan ibu-anak berbangsa Melayu dari kawasan luar bandar negeri Kelantan, Kedah, Selangor dan Johor yang telah memenuhi kriteria (miskin dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berumur 7-12 tahun) kajian dipilih sebagai responden kajian. Responden telah ditemu bual secara bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik. Kualiti tingkah laku keibubapaan telah diukur menggunakan skala 'Supportive Parenting' (Simons *et al.* 1992). Tahap resiliensi anak pula diukur menggunakan skala 'Resiliency Attitudes Scales' (Bischoe & Harris 1994). Tahap estim diri anak diukur berdasarkan 'Hare Self-Esteem Scale' (Hare 1985). Pencapaian akademik anak diukur berdasarkan skor lima mata pelajaran terpilih: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Agama Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa kualiti tingkah laku keibubapaan dan tahap penyesuaian tingkah laku anak adalah rendah. Pendidikan ibu didapati berkait secara signifikan dengan estim diri anak ( $r=0.18$ ,  $p\leq 0.05$ ) dan pencapaian akademik ( $r=0.19$ ,  $p\leq 0.05$ ). Keluarga yang berisiko tinggi dan mempunyai bilangan anak yang ramai didapati mempunyai anak yang rendah tahap pencapaian akademik dan resiliensi. Bilangan anak dalam keluarga didapati mempunyai perkaitan yang negatif dan signifikan ( $r=-0.16$ ,  $p\leq 0.05$ ) dengan tahap resiliensi anak. Hasil kajian juga menunjukkan tahap risiko keluarga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik anak ( $r=-0.26$ ,  $p\leq 0.01$ ). Kualiti tingkah laku keibubapaan juga mempunyai perkaitan secara positif dan signifikan dengan tahap estim diri anak ( $r=0.17$ ,  $p\leq 0.05$ ). Analisis regresi berganda menunjukkan tahap pendidikan ibu ( $\beta=0.16$ ,  $p\leq 0.05$ ) dan tingkah laku keibubapaan ( $\beta=0.15$ ,  $p\leq 0.05$ ) menyumbang secara unik terhadap estim diri anak ( $F=5.55$ ,  $p\leq 0.05$ ). Hasil kajian juga menunjukkan tahap pendidikan ibu ( $\beta=0.18$ ,  $p\leq 0.05$ ) menyumbang secara unik ke atas pencapaian akademik anak ( $F=2.87$ ,  $p\leq 0.05$ ). Kajian ini memberi implikasi bahawa pendidikan ibu dan tingkah laku keibubapaan mempengaruhi penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar.

### ABSTRACT

This study aims to determine the relationships between family background factors (mother's educational level, family income and number of children) and quality of parental behavior with children behavioral adjustment (resiliency, self-esteem and academic achievement) in at-risk families. A total of 201 Malay mother-child dyads from rural areas in Kelantan, Kedah, Selangor and Johor who fulfill the selection criteria (poor and have at least one child aged 7-12 years) were selected as respondents for the study. Respondents were interviewed face-to-face using questionnaire. Parental behavior was measured using *Supportive Parenting Scale* (Simons *et al.* 1992). Child's resiliency is measured using *Resiliency Attitudes Scales* (Bischoe & Harris 1994) while Hare (1985) *Self-Esteem Scale* was utilized to measure child's self-esteem. The children's academic achievement is indicated by their score on five selected subjects, namely, Bahasa Melayu, English, Science, Mathematics and the Islamic Study. Results show that parental behavior and behavioral adjustment of the children are low. Mothers' education is significantly related to child self-esteem

( $r = 0.18, p \leq .05$ ) and academic achievement ( $r = 0.19, p \leq .05$ ). Families with higher level of risk and with greater number of children are found to have children with low levels of academic achievement and resiliency. Number of children have negative and significant relationship ( $r = -0.16, p \leq .05$ ) with child's resiliency. Findings also reveal that level of risk correlate significantly with child's academic achievement ( $r = -0.26, p \leq .05$ ). In addition the quality of parental behavior is positively related to the level of child's self-esteem ( $r = 0.17, p \leq .05$ ). Multiple regression analyses indicate that mother's education ( $\beta = 0.16, p \leq .05$ ) and quality of parental behavior ( $\beta = 0.15, p \leq .05$ ) are unique predictors of child's self-esteem ( $F = 5.55, p \leq .05$ ). The findings also reveal that mother's education ( $\beta = 0.18, p \leq .05$ ) determines child's academic achievement ( $F = 2.87, p \leq .05$ ). The study imply that mother's education and quality of parental behavior influence behavioral adjustment of children in rural at-risk families.

## PENGENALAN

Faktor berisiko merupakan keadaan atau variabel yang memberi impak negatif kepada kesihatan, kesejahteraan dan perlakuan sosial individu (Voydanoff & Donnelly 1998). Selain itu, faktor risiko yang dihadapi oleh keluarga didapati boleh mempengaruhi kualiti tingkah laku keibubapaan dan seterusnya kualiti kesejahteraan anak (Stern, Smith & Jang 1999; Gerard & Buehler 1999; Rozumah *et al.* 1999a). Menurut Dumka dan Roosa (1995) faktor berisiko merupakan variabel yang boleh mendorong anak mengalami perkembangan negatif. Ini kerana kehadiran faktor berisiko tidak menjamin kesan yang negatif secara langsung, tetapi berpotensi untuk memudahkan kesan tersebut berlaku (Small & Luster 1994). Kajian oleh Murry dan Brody (1999) mendapati semakin meningkat bilangan faktor risiko yang wujud dalam keluarga semakin kurang tahap penyesuaian tingkah laku anak. Faktor risiko yang dihadapi oleh keluarga boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti tahap pendidikan yang rendah, pendapatan keluarga yang sedikit dan tidak menentu serta persekitaran rumah yang tidak selamat.

Walaupun terdedah kepada beberapa faktor risiko, terdapat keluarga yang masih boleh menjalankan fungsinya dengan berkesan. Namun, apabila terdapat banyak faktor risiko yang wujud dalam keluarga secara serentak, hanya segelintir keluarga yang mampu untuk menjalankan fungsinya dengan berkesan. Terdapat bukti menunjukkan ibu bapa dari keluarga berisiko berkecenderungan mempunyai masalah tekanan psikologi yang tinggi (Voydanoff & Dolley 1998; Mayhew & Lempers 1998; Voydanoff 1990). Oleh yang demikian adalah tidak mustahil jika didapati ibu bapa dari keluarga berisiko kurang memberikan sokongan, lebih mengamalkan hukuman fizikal untuk mengawal dan mendisiplinkan anak, gemar

memberikan arahan tanpa penjelasan dan kurang memberikan tindak balas terhadap keperluan emosi anak (Mayhew dan Lempers 1998; Hashima dan Amato 1994; Small dan Luster 1994). Di samping itu, ibu bapa dari status sosioekonomi yang rendah didapati kurang menyediakan persekitaran rumah yang kondusif untuk pembelajaran anak dan mempunyai jangkaan yang rendah terhadap pencapaian anak (Shumow *et al.* 1998; Miller dan Davis 1997; Solis-Camara dan Fox 1996; Luster dan McAdoo 1994; Garret, Ng'andu dan Feron 1994; Dodge, Pettit dan Bates 1994).

Anak-anak daripada keluarga berisiko didapati mengalami kemurungan, gagal dalam akademik, mempunyai estim diri yang rendah dan terlibat dengan tingkah laku antisosial (Rozumah *et al.* 1999b; Shumow *et al.* 1998; Mayhew dan Lempers 1998; Hartos dan Power 1997). Bagaimanapun jika anak daripada keluarga berisiko mempunyai ciri resiliensi seperti mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran interpersonal, mempunyai jangkaan yang tinggi, motivasi yang tinggi dan proaktif mereka akan mampu membuat adaptasi terhadap perubahan, tekanan dan kekecewaan dalam kehidupan untuk meneruskan kehidupan yang lebih produktif (Franco dan Levitt 1998; Waxman dan Huang 1996; Gordon 1996; Fagen and Cowen 1996).

Kajian ini dijangka dapat menjana maklumat tentang sejauh mana proses dalam keluarga berisiko terutamanya tingkah laku keibubapaan ibu memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap penyesuaian anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik). Maklumat seperti ini dijangka dapat mendedahkan proses yang wujud dalam keluarga berisiko di samping membantu memperluas kefahaman tentang kesan daripada pengalaman hidup dalam keluarga berisiko terhadap pembangunan insan.

### KERANGKA KERJA KONSEPTUAL KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada faktor yang dijangka boleh mempengaruhi tahap penyesuaian tingkah laku anak daripada keluarga berisiko di luar bandar. Teori Ekologi Manusia yang dipelopori oleh Bronfenbrenner (1979) telah dipilih sebagai salah satu panduan di dalam membina kerangka kerja konseptual kajian ini. Bronfenbrenner menyatakan bahawa pembangunan kanak-kanak dipengaruhi bukan hanya oleh personalitinya tetapi juga oleh gabungan pelbagai faktor dan konteks di mana kanak-kanak itu berada. Kajian ini juga telah menggunakan model kecekapan, model resiliensi, model faktor risiko dan perkembangan kanak-kanak dan model faktor pelindung dan perkembangan kanak-kanak sebagai panduan untuk menganalisis impak proses keluarga khususnya keibubapaan ke atas tahap penyesuaian anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik). Huraian setiap model ini dibentangkan dalam perenggan seterusnya.

#### *Model Kecekapan*

Model kecekapan untuk fungsi keluarga (Waters dan Lawrence 1993) dipilih kerana boleh menerangkan bagaimana proses ibu dan bapa melibatkan diri di dalam mendidik dan membesarkan anak menjadi seorang individu yang cekap dan berpotensi. Andaian model ini ialah tingkah laku keibubapaan merupakan salah satu sumber yang boleh digunakan untuk beradaptasi terhadap persekitaran yang mencabar. Ibu bapa secara semula jadinya telah dimotivasikan untuk bertingkah laku bagi 'memastikan dunia mereka berjalan dengan lancar, membesar dan berubah' (Waters dan Lawrence 1993). Berdasarkan kepada model kecekapan, kajian ini menggambarkan tingkah laku keibubapaan sebagai manifestasi penguasaan sepenuhnya terhadap persekitaran. Kajian ini melihat masalah tingkah laku keibubapaan sebagai percubaan untuk beradaptasi terhadap persekitaran yang berisiko dengan sedikit kawalan daripada menggambarkan keluarga sebagai tidak berfungsi. Model ini juga mengandaikan ibu yang tinggal di dalam persekitaran mencabar mempunyai kekuatan yang boleh digunakan bagi menerangkan variasi kecekapan di kalangan kanak-kanak.

#### *Model Resiliensi*

Resiliensi ditakrifkan sebagai kuasa atau kebolehan untuk mengatasi kesakitan, tekanan atau kesulitan. Risiko merupakan konsep utama di dalam model resiliensi yang berasal dari bidang perubatan bagi mengkaji berkenaan wabak dan penyakit. Kajian ini mengandaikan bahawa masalah boleh dielakkan dengan mengenal pasti proses yang dapat mengurangkan kejadian risiko. Pendekatan faktor-risiko adalah amat berguna untuk memahami pembangunan Manusia kerana ia menyatakan kewujudan faktor risiko dalam diri individu, keluarga dan persekitaran boleh mengurangkan proses perkembangan akan datang (Bogensneider 1996). Di samping itu, para saintis sosial menunjukkan hasil kajian yang sama dengan model perubatan apabila mereka mendapati semakin meningkat timbunan faktor risiko yang wujud kemungkinan ketidakfungsian akan berkurangan (Murry dan Brody 1999; Luster dan McAdoo 1994). Dengan kata lain, kombinasi faktor risiko (contoh: miskin, tinggal dalam keluarga induk tunggal dan mempunyai ahli keluarga yang berpenyakit kronik) akan menghadkan potensi kanak-kanak untuk berjaya.

Bagi menerangkan kenapa penimbunan faktor risiko mempunyai impak yang berlainan terhadap perkembangan anak, para saintis sosial telah mula mengkaji kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran yang merugikan dengan menggabungkan proses faktor pelindung dan faktor risiko. Proses perlindungan ditakrifkan sebagai 'individu dan persekitaran yang boleh meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk bertahan terhadap kejadian yang negatif dan mempromosikan adaptasi dan kecekapan (Steinberg, Mounts, Lamborn & Dornbusch 1991).

Apa yang akan diterangkan seterusnya merupakan gambaran kasar berkenaan keluarga berisiko yang menekankan kepada faktor pelindung dan risiko berhubung dengan estim diri dan pencapaian akademik di kalangan kanak-kanak. Estim diri merupakan satu komponen resiliensi kerana dengan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pencapaian dan tanggapan yang positif terhadap diri mampu mewujudkan perhubungan dengan orang lain dan memperoleh kejayaan dalam kehidupan secara amnya (Burnett 1996; Lawrence 1996). Pencapaian akademik yang baik akan

merangsang aspirasi anak untuk terus menjadi seorang pelajar yang lebih cemerlang dan secara tidak langsung boleh meningkatkan estimasi diri (Filozof dan Albertin 1998; Fuligni 1997; Schreiber dan Schreiber 1995). Oleh yang demikian, kanak-kanak yang mempunyai pandangan yang positif terhadap keupayaan diri sendiri mampu mengawal emosi dan keupayaan mental untuk menghadapi persekitaran yang negatif dan tidak stabil. Ketidakeupayaan untuk mengawal emosi, perhatian dan mental boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi murung atau menunjukkan tingkah laku bermasalah (Rozumah *et al.* 1999b).

#### *Faktor Risiko dan Perkembangan Kanak-kanak*

Risiko merupakan konsep yang biasa digunakan oleh bidang perubatan dan menyifatkannya sebagai potensi untuk mendatangkan hasil yang negatif (Jens dan Gordon 1991). Secara tradisinya, faktor risiko telah digambarkan sebagai keadaan yang meningkatkan hasil yang negatif dan tidak diinginkan seperti *morbidity* dan *mortality*. Bagaimanapun pada masa sekarang, definisi risiko telah diperluas lagi dengan melibatkan tingkah laku yang berkaitan kesihatan, kesejahteraan dan sosial individu. Kanak-kanak dalam keluarga berisiko mempunyai peluang yang tinggi untuk terlibat dengan masalah tingkah laku, mudah terpengaruh dengan ajakan negatif rakan sebaya dan mempunyai estimasi diri yang rendah. Kajian terdahulu juga menunjukkan latar belakang keluarga (contoh: pendidikan ibu, pendapatan keluarga dan bilangan anak) boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dan fungsi sosial (Fuligni 1997; Pungello *et al.* 1996; Garret *et al.* 1994). Kanak-kanak keluarga status sosioekonomi yang rendah didapati mempersembahkan pencapaian yang kurang baik di sekolah dan mempunyai lebih banyak masalah sosial dan kognitif jika dibandingkan dengan kanak-kanak keluarga status kelas pertengahan dan atasan (Shumow *et al.* 1998; Dodge *et al.* 1994; Small dan Luster 1994). Kanak-kanak keluarga berpendapatan rendah kebiasaannya tinggal dan bersekolah di kawasan yang miskin dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi (Connell dan Spencer 1994). Keluarga yang berpendapatan rendah juga cenderung untuk mengalami lebih banyak tekanan hidup dan keterpencilan sosial. Keadaan ini akan menambahkan lagi tekanan psikologi yang

dihadapi oleh ibu bapa dan seterusnya mengakibatkan pertengkaran dan konflik di antara ibu bapa-anak meningkat (McLoyd 1990). Pertengkaran dan konflik yang wujud di antara ibu bapa-anak akan mengurangkan penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko (Vosler dan Proctor 1990).

#### *Faktor Pelindung dan Perkembangan Kanak-kanak*

Kajian tentang faktor pelindung terhasil daripada pengkaji yang berminat dengan proses perkembangan anak yang terdedah pada psikopatologi dan memfokuskan ke atas variabel yang boleh menjadi penahan (*buffer*) untuk membantu mereka mengatasi penyakit mental. Faktor pelindung dicirikan sebagai semua tingkah laku dan perihal yang mengurangkan kejadian atau hasil yang tidak diinginkan dari aspek kemahiran, kebolehan dan sumber yang dimiliki oleh ibu bapa dan keluarga (Murry dan Brody 1999). Faktor pelindung mungkin termasuk kawalan peribadi atau sosial (contoh: pengawasan ibu bapa dan kepercayaan agama). Faktor pelindung mungkin mempunyai kesan secara langsung ke atas perkembangan anak dengan merangsang anak untuk menentang faktor risiko yang wujud dalam keluarga atau mengubahsuai hubungan di antara risiko dan hasil perkembangan. Perbezaan dari segi tahap perkembangan anak mungkin terjadi antara keluarga yang mempunyai banyak faktor risiko dan faktor pelindung berbanding keluarga yang berisiko tinggi diiringi faktor pelindung yang rendah.

Kajian terdahulu menunjukkan tingkah laku keibubapaan yang positif dalam keluarga berisiko mampu menjadi faktor pelindung kepada anak (Franco dan Levitt 1998; Lamborn, Dornbusch dan Steinberg 1996). Ibu bapa status sosioekonomi rendah yang mengamalkan peneguhan disiplin secara konsisten, kawalan dan sokongan yang tinggi serta mempunyai komunikasi yang positif didapati mempunyai anak yang kurang bermasalah dari segi penyesuaian tingkah laku.

## METODOLOGI

### *Sampel*

Sampel kajian terdiri daripada 201 responden pasangan ibu-anak (berumur 11 tahun), berbangsa Melayu dan tinggal bersama. Sampel kajian ini merupakan subset sampel kajian IRPA "Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resilien Anak" yang berjumlah

1262 responden pasangan ibu dan anak yang berumur 11 tahun, 14 tahun dan 16 tahun. Responden ibu yang mempunyai keluarga berisiko telah dikenal pasti secara rawak melalui senarai nama ketua isi rumah termiskin yang diperoleh daripada Daftar dan Profil Keluarga Termiskin 1995/96, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kajian ini telah dijalankan di negeri Kelantan, Kedah, Selangor dan Johor.

## PENGUKURAN ANGKUBAH KAJIAN

### *Angkubah Bebas*

Latar belakang keluarga yang telah diukur di dalam kajian ini ialah taraf pendidikan ibu, pendapatan keluarga dan bilangan anak. Taraf pendidikan adalah jumlah tahun pendidikan yang diterima oleh responden ibu. Jumlah pendapatan keluarga dalam sebulan adalah gabungan pendapatan suami, isteri dan pendapatan sampingan yang diperoleh keluarga sebulan. Bilangan anak pula diukur berdasarkan jumlah bilangan anak responden.

Tahap risiko telah diukur berdasarkan jumlah faktor risiko yang kemungkinan wujud dalam sesebuah keluarga. Terdapat 19 faktor risiko yang telah disenaraikan di dalam borang soal selidik. Antaranya ialah keluarga induk tunggal, tiada bilik tidur, keadaan rumah membahayakan dan mempunyai ahli keluarga berpenyakit kronik. Keluarga yang terlibat dalam kajian mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu faktor risiko. Skor risiko responden kajian ini menjulat dari 1 hingga 11. Skor risiko dibahagikan kepada dua tahap iaitu 'Rendah dan 'Tinggi'. Pembahagian dua tahap ini adalah berdasarkan kepada nilai purata yang diperoleh keluarga responden iaitu 5.3. Jumlah risiko yang melebihi daripada nilai purata menunjukkan tahap keluarga berisiko tinggi. Manakala jumlah risiko yang rendah daripada nilai purata menunjukkan tahap keluarga berisiko rendah.

Kualiti tingkah laku keibubapaan responden ibu diukur menggunakan skala 'Supportive Parenting' oleh Simons *et al.* (1992) yang mengandungi sembilan (9) item positif. Nilai koefisien alpha bagi skala tingkah laku keibubapaan ini dari perspektif ibu ialah 0.79. Skor bagi setiap kenyataan yang dikemukakan kepada responden ialah 1 = Tidak pernah, 2 = Hampir tidak pernah, 3 = Kadang-kadang, 4 = Hampir selalu dan 5 = Selalu. Jumlah skor dikira dengan mencampurkan semua skor yang didapati oleh responden bagi setiap item yang

dikemukakan. Jumlah skor minimum yang boleh diperoleh responden adalah 9 dan skor maksimum adalah 45. Semakin tinggi skor yang diperoleh ibu, semakin tinggi sokongan yang diberikan kepada anak. Sokongan yang diberikan menunjukkan ibu mengambil berat tentang perasaan anak, berminat dalam aktiviti harian, menyatakan perasaan sayang dan penerimaan, menggalakkan tingkah laku yang bersesuaian, membantu menyelesaikan masalah, dan memberi pengukuhan terhadap pencapaian.

### *Angkubah Sandar*

Tahap resiliensi anak telah diukur menggunakan skala 'Children's Resiliency Attitudes Scales' (C.R.A.S) (Bischoe dan Harris 1994). Instrumen ini mengandungi tujuh subskala iaitu celik akal, berdikari, hubungan, inisiatif, kreativiti dan kejenakaan, moraliti dan resiliensi umum. Instrumen ini mengandungi 28 item dengan 14 item positif dan 14 item negatif. Setiap subskala mengandungi empat item (2 item positif dan 2 item negatif). Responden dikehendaki menjawab salah satu daripada jawapan yang dikemukakan iaitu 1=sangat tidak setuju, 2=tidak bersetuju, 3=tidak dapat diputuskan, 4=setuju dan 5=sangat setuju. Setiap kenyataan negatif akan dikodkan semula iaitu dari 5= sangat tidak setuju hingga 1= sangat setuju. Jumlah skor keseluruhan bagi skala resiliensi dikira dengan membahagikan jumlah keseluruhan yang diperoleh responden dengan 140 (jumlah skor maksimum yang boleh diperoleh untuk skala resiliensi) didarabkan dengan 100. Oleh itu skor minimum yang boleh diperoleh responden ialah 20 dan skor maksimum ialah 100. Jumlah skor keseluruhan dianalisis mengikut dua tahap yang ditentukan berdasarkan kepada nilai min yang diperoleh responden. Nilai skor yang tinggi daripada min menunjukkan tahap resiliensi adalah tinggi. Manakala nilai skor yang rendah daripada min menunjukkan tahap resiliensi adalah rendah. Nilai koefisien alpha bagi skala resiliensi anak dalam kajian ini adalah 0.64.

Tahap estim diri anak telah diukur menggunakan skala 'Hare Self-Esteem Scale' (HSS) oleh Hare (1985). Skala ini mengandungi 3 subskala yang mengkhususkan 3 elemen yang berkaitan dengan estim diri iaitu rakan sebaya, sekolah dan rumah. Terdapat 30 item (15 item positif dan 15 item negatif) dalam skala ini. Pilihan jawapan adalah berdasarkan kepada 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=setuju

dan 4=sangat setuju. Setiap kenyataan negatif akan dikodkan semula iaitu 1=4, 2=4, 3=2 dan 4=1. Skor maksimum yang boleh diperoleh responden ialah 120 dan skor minimum ialah 30. Nilai skor yang tinggi daripada min menunjukkan tahap estim diri yang tinggi. Nilai koefisien alpha bagi skala ini ialah 0.76.

Pencapaian akademik dinilai berdasarkan jumlah lima (5) mata pelajaran terpilih iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Agama Islam. Pencapaian akademik telah diperoleh daripada rekod keputusan peperiksaan akhir tahun 4. Bagi setiap subjek, markah tertinggi yang boleh diperoleh responden anak ialah 100 dan markah terendah adalah 0. Skor markah maksimum yang boleh diperoleh responden anak ialah 500. Semakin tinggi skor markah yang diperoleh, semakin tinggi pencapaian akademik yang diperoleh responden anak.

## HASIL KAJIAN

### *Ciri Latar Belakang Keluarga*

Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang keluarga yang dikaji. Purata umur responden ibu yang terlibat adalah 39.8 tahun dengan sisihan piawai 6.9. Majoriti (92.5%) responden yang terlibat dalam kajian ini adalah keluarga lengkap, manakala 7.5% lagi adalah induk tunggal. Purata jumlah tahun pendidikan yang diterima oleh responden ialah 5.4 tahun, dengan kebanyakan (48.3%) responden mendapat pendidikan di antara darjah 1 hingga darjah 6. Pendapatan bulanan keluarga responden secara puratanya adalah sebanyak RM505.3 iaitu berada di bawah tahap garis kemiskinan (RM510) yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (Unit Perancang Ekonomi 2001). Kajian ini mendapati kebanyakan (66.7%) responden kajian tidak bekerja, iaitu merupakan suri rumah sepenuh masa. Purata bilangan anak responden adalah 5.7 orang.

### *Tahap Risiko Keluarga*

Berdasarkan hasil yang telah diperoleh, kajian ini mendapati hampir separuh (44.8%) responden kajian datang daripada keluarga berisiko tinggi. Manakala sebanyak 55.2% responden datang daripada keluarga berisiko rendah. Secara umumnya, kebanyakan faktor risiko yang wujud dalam keluarga adalah seperti responden ibu tidak mempunyai pekerjaan tetap (81.1%), keadaan rumah membahayakan (73.1%), pendidikan responden kurang daripada

SRP (72.6%) dan pendapatan bulanan kurang daripada RM 516.

### *Kualiti Tingkah Laku Keibubapaan*

Secara keseluruhannya lebih separuh (55.2%) responden mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang rendah. Jika diteliti mengikut subsampel keluarga berisiko rendah dan subsampel keluarga berisiko tinggi juga, didapati lebih daripada separuh responden mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang rendah iaitu masing-masing 55.9% dan 54.4%. Keadaan ini amat membimbangkan kerana tingkah laku keibubapaan yang berkualiti merupakan elemen penting dalam membentuk perkembangan sosioemosi dan perkembangan kognitif anak terutama pada peringkat awal kanak-kanak. Analisis data menunjukkan responden ibu yang mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang tinggi adalah sebanyak 44.8%. Bagi subsampel keluarga berisiko rendah didapati kualiti tingkah laku keibubapaan yang tinggi adalah sebanyak 44.1%. Manakala subsampel keluarga berisiko tinggi pula, sebanyak 45.6% responden mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang tinggi.

### *Penyesuaian Tingkah Laku Anak*

Penyesuaian tingkah laku anak dalam kajian ini merujuk kepada aspek resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik. Secara umumnya, tahap penyesuaian tingkah laku anak dalam membuat adaptasi terhadap faktor-faktor risiko yang wujud dalam keluarga berisiko kurang memuaskan (Jadual 2).

Secara keseluruhannya, lebih daripada separuh (55.7%) responden anak mempunyai tahap resiliensi yang rendah. Situasi ini amat membimbangkan kerana anak yang mempunyai tahap resiliensi mudah terpengaruh dengan anasir negatif apabila meningkat dewasa kelak. Walau bagaimanapun masih ramai lagi kanak-kanak dalam keluarga berisiko mempunyai tahap resiliensi yang tinggi iaitu sebanyak 44.3%. Keadaan ini menunjukkan bahawa anak dari keluarga berisiko tinggi masih mampu memantul semula daripada kehidupan dan pengalaman yang sukar (Bland dan Sowa 1994) untuk menjadi seorang insan produktif.

Kajian mendapati peratusan (54.4%) responden anak daripada subsampel keluarga berisiko tinggi yang mempunyai tahap estim diri rendah adalah lebih tinggi jika dibandingkan

JADUAL 1  
Maklumat latar belakang responden (N=201)

Pemboleh ubah	n (%)	Purata	s.p	min.	mak.
<b>Umur</b>					
<35 tahun	51 (25.4)				
35-45 tahun	106 (52.7)				
46-55 tahun	43 (21.4)				
>55 tahun	1 ( 0.5)	39.8	6.9	27	63
<b>Taraf Pendidikan</b>					
Tidak bersekolah	47 (23.4)				
Darjah 1-6	97 (48.3)				
Tingkatan 1-2	1 ( 0.5)				
SRP	30 (14.9)				
SPM	22 (10.9)				
STPM	1 ( 0.5)				
Sijil	3 ( 1.5)				
<b>Jumlah Tahun Pendidikan</b>					
<6 tahun	68 (33.9)				
6-10	109 (54.2)	5.4	3.7	0	13
>10 tahun	24 (11.9)				
<b>Pekerjaan</b>					
Bekerja	67 (33.3)				
Tidak bekerja	134 (66.7)				
<b>Pendapatan Bulanan Responden</b>					
RM0	133 (66.7)				
RM100-500	64 (31.8)	RM84.6	RM152.4	RM0	RM1000
RM501-RM1000	3 ( 1.5)				
<b>Pendapatan Bulanan Keluarga</b>					
<RM500	95 (47.3)				
RM500-RM1000	103 (51.2)	RM505.3	RM220.5	RM150	RM1700
>RM1000	3 ( 1.5)				
<b>Bilangan Anak</b>					
<6 orang	109 (54.2)				
6-10	86 (42.8)	5.7	2.2	1	15
>10 orang	6 ( 3.0)				
<b>Bilangan Ahli Isi rumah</b>					
3-6 orang	77 (38.3)				
7-10 orang	115 (57.2)	7.3	1.9	3	15
>10 orang	9 ( 4.5)				

*Nota:* s.p=sisihan piawai, min=minimum, mak=maksimum, SRP=Sijil Rendah Pelajaran, SPM=Sijil Pelajaran Malaysia, STPM=Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

dengan peratusan (46.8%) responden anak daripada subsampel keluarga berisiko rendah. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya pencapaian akademik anak adalah memuaskan dengan lebih daripada separuh (57.7%) responden anak memperoleh jumlah markah melebihi nilai purata. Walau bagaimanapun, masih ramai lagi (42.3%) responden anak mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Keadaan ini amat membimbangkan kerana anak yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah dikhuatiri berpotensi terlibat dalam pelbagai masalah sosial sama ada di sekolah atau di tempat lain.

*Perkaitan di Antara Latar Belakang Keluarga dengan Penyesuaian Tingkah Laku Anak*

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan

JADUAL 2  
Kualiti tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian tingkah laku anak mengikut tahap risiko keluarga

Variabel	n (%)		
	Keseluruhan (N=201)	SSKR (n=111)	SSKT (n=90)
<b>Kualiti Tingkah laku Keibubapaan</b>			
Tinggi	90 (44.8)	49 (44.1)	41 (45.6)
Rendah	111 (55.2)	62 (55.9)	49 (54.4)
Purata:	32.4	32.6	32.0
s.p:	5.2	4.5	5.9
minimum:	17	21	17
maksimum:	44	42	44
<b>Tahap Resiliensi Anak</b>			
Tinggi	89 (44.3)	48 (43.2)	41 (45.6)
Rendah	112 (55.7)	63 (56.8)	49 (54.4)
Min:	53.9	54.2	53.6
s.p:	6.4	6.4	6.4
minimum:	34.3	34.3	34.3
maksimum:	80.7	80.7	70.7
<b>Tahap Estim Diri Anak</b>			
Tinggi	101 (50.2)	59 (53.2)	41 (45.6)
Rendah	100 (49.8)	52 (46.8)	49 (54.4)
Purata:	83.6	83.9	83.2
s.p:	7.9	8.1	7.8
minimum:	61	61	66
maksimum:	105	105	105
<b>Tahap Pencapaian Akademik Anak</b>			
Tinggi	116 (57.7)	61 (55.0)	50 (55.6)
Rendah	85 (42.3)	50 (45.0)	40 (44.4)
Purata:	284.1	304.2	259.2
s.p:	76.5	66.6	80.8
minimum:	56	96	56
maksimum:	439	439	411

Nota: SSKR = Subsampel keluarga berisiko rendah  
SSKT = Subsampel keluarga berisiko tinggi  
s.p = sisihan piawai

wujud perkaitan yang signifikan dan positif di antara pendidikan yang diperoleh ibu dengan estim diri ( $r=0.18$ ,  $p \leq 0.05$ ) dan pencapaian akademik ( $r=0.19$ ,  $p \leq 0.01$ ) responden anak keseluruhan (Jadual 3). Dalam Jadual 3, estim diri anak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tingkah laku keibubapaan ( $r=0.32$ ,  $p \leq 0.01$ ) dalam keluarga berisiko tinggi. Kajian juga mendapati pendapatan bulanan keluarga tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan penyesuaian tingkah laku anak. Kajian mendapati bilangan anak yang terlalu ramai boleh mengurangkan tahap resiliensi responden anak secara keseluruhan ( $r=-0.16$ ,  $p \leq 0.05$ ). Hasil

yang sama juga diperoleh dalam subsampel keluarga berisiko rendah iaitu bilangan anak mempunyai perkaitan yang signifikan dan negatif ( $r=0.27$ ,  $p \leq 0.01$ ) dengan resiliensi anak. Analisis data menunjukkan bahawa tahap estim diri dipengaruhi oleh bilangan anak ( $r=0.21$ ,  $p \leq 0.05$ ) dalam subsampel keluarga berisiko tinggi.

*Perkaitan di Antara Tahap Risiko Keluarga dengan Penyesuaian Tingkah Laku Anak*

Hasil analisis pekali korelasi Pearson menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan dan negatif ( $r=-0.26$ ,  $p \leq 0.01$ ) di antara tahap risiko dengan pencapaian akademik anak. Ini

JADUAL 3

Perkaitan di antara latar belakang keluarga, tahap risiko, tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian tingkah laku anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik)

Variabel	Resiliensi			Estim Diri			Pencapaian Akademik		
	Keseluruhan	SSKR	SSKT	Keseluruhan	SSKR	SSKT	Keseluruhan	SSKR	SSKT
Latar belakang Keluarga									
Pendidikan ibu	0.05	0.10	-0.03	0.18*	0.06	0.32**	0.19**	0.19	0.18
Pendapatan Keluarga	0.02	0.07	-0.10	0.06	0.06	0.03	0.08	-0.04	0.05
Bilangan anak	-0.16*	-0.27**	-0.04	0.06	0.21*	-0.07	-0.07	-0.05	0.08
Tahap risiko	-0.06	-0.11	0.03	-0.07	-0.04	-0.09	-0.26**	-0.09	-0.00
Tingkah laku Keibubapaan	0.05	0.18	-0.08	0.17*	0.11	0.23*	0.02	-0.10	0.08

Nota: SSKR= Subsampel keluarga berisiko rendah

SSKT= Subsampel keluarga berisiko tinggi

\*  $p \leq 0.05$

\*\*  $p \leq 0.01$

\*\*\*  $p \leq 0.001$

menunjukkan bahawa persekitaran keluarga yang berisiko tinggi akan menjejaskan prestasi akademik anak. Walau bagaimanapun, tahap risiko didapati tidak memberi pengaruh yang signifikan ke atas tahap estim diri dan resiliensi anak.

#### *Perkaitan di Antara Kualiti Tingkah Laku Keibubapaan dengan Penyesuaian Tingkah Laku Anak*

Hasil yang diperoleh menunjukkan kualiti tingkah laku keibubapaan yang tinggi mampu meningkatkan tahap estim diri responden anak keseluruhan ( $r=0.17$ ,  $p \leq 0.05$ ). Analisis data juga menunjukkan tingkah laku keibubapaan mempunyai perkaitan yang signifikan ( $r=0.23$ ,  $p \leq 0.05$ ) dengan estim diri anak bagi subsampel keluarga berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, tingkah laku keibubapaan didapati tidak memberi pengaruh yang signifikan ke atas tahap resiliensi dan pencapaian akademik anak.

#### *Prediktor Penyesuaian Tingkah Laku Anak*

Analisis regresi berganda mendapati tahap pendidikan ibu ( $\beta = .16$ ,  $p \leq .05$ ) dan tingkah laku keibubapaan ( $\beta = .15$ ,  $p \leq .05$ ) mempunyai perkaitan secara kelainan dengan estim diri anak keseluruhan ( $F=5.55$ ,  $p \leq 0.01$ ) (Jadual 4). Kajian mendapati tahap pendidikan ibu ( $\beta = .18$ ,  $p \leq 0.05$ )

juga menyumbang secara unik ke atas pencapaian akademik anak ( $F=2.87$ ,  $p \leq 0.05$ ).

### KESIMPULAN

Berdasarkan hasil yang telah diperoleh, kajian ini membuat kesimpulan bahawa hampir separuh (44.8%) responden kajian datang daripada keluarga berisiko tinggi. Manakala sebanyak 55.2% responden datang daripada keluarga berisiko rendah. Kajian mendapati lebih daripada separuh (55.2%) responden ibu mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang rendah. Secara umumnya, penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko yang dikaji berada pada tahap yang agak membimbangkan. Analisis data menunjukkan hampir separuh responden anak mempunyai tahap estim diri (49.8%) dan pencapaian akademik (42.3%) yang rendah. Manakala lebih daripada separuh (55.7%) responden anak mempunyai tahap resiliensi yang rendah.

Bronfenbrenner (1979) mengandaikan bahawa penyesuaian tingkah laku anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik) boleh dipengaruhi oleh faktor dan konteks di mana anak tinggal seperti persekitaran keluarga (pendidikan ibu, pendapatan keluarga, bilangan anak, tahap risiko dan tingkah laku keibubapaan). Sebahagian daripada hasil kajian

JADUAL 4  
Prediktor penyesuaian tingkah laku anak

Angkubah	Penyesuaian Tingkah Laku Anak									
	Resiliensi,β				Estim Diri,β			Pencapaian Akademik,β		
	N(201)	SSKR(111)	SSKT(90)	N(201)		SSKR(111)	SSKT(90)	N(201)	SSKR(111)	SSKT(90)
<b>Latar belakang Keluarga</b>	Model 1	Model 1	Model 1	Model 1	Model 3	Model 1	Model 1	Model 1	Model 1	Model 1
Pendidikan	.02	.08	-.04	.19*	.16*	.08	.31**	.18	.02	.19
Pendapatan keluarga	.03	.11	-.10	.04		.03	.04	.06	-.03	.04
Bilangan anak	-.16*	-.28**	-.04	.09		.21*	-.03	-.03	-.05	.10
	R <sup>2</sup> =0.03	R <sup>2</sup> =0.09	R <sup>2</sup> =0.01	R <sup>2</sup> =0.04		R <sup>2</sup> =0.05	R <sup>2</sup> =0.10	R <sup>2</sup> =0.04	R <sup>2</sup> =0.00	R <sup>2</sup> =0.04
	F=1.87	F=3.67*	F=0.37	F=2.93*		F=1.96	F=3.25*	F=2.87*	F=0.15	F=1.32
<b>Latar belakang Keluarga dan Tingkah laku Keibubapaan</b>	Model 2	Model 2	Model 2	Model 2		Model 2	Model 2	Model 2	Model 2	Model 2
Pendidikan	.02	.06	-.03	.17*		.06	.29**	.19	.04	.18
Pendapatan keluarga	.03	.11	-.09	.04		.04	.02	.06	-.03	.03
Bilangan anak	-.16*	-.26**	-.06	.12		.23*	.01	-.04	-.07	.12
Tingkah laku Keibubapaan	.02	.14	-.08	.17*	.15*	.13	.19	-.02	-.12	.08
	R <sup>2</sup> =0.03	R <sup>2</sup> =0.11	R <sup>2</sup> =0.12	R <sup>2</sup> =0.07	R <sup>2</sup> =0.05	R <sup>2</sup> =0.07	R <sup>2</sup> =0.14	R <sup>2</sup> =0.04	R <sup>2</sup> =0.02	R <sup>2</sup> =0.05
	F=1.41	F=3.30*	F=0.41	F=3.63**	F=5.55**	F=1.97	F=3.40*	F=2.16	F=0.48	F=1.11

Nota: Model 3 tidak dibina untuk resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik anak subsampel keluarga berisiko rendah dan subsampel keluarga berisiko tinggi kerana tiada variabel yang didapati signifikan dalam Model 1 dan Model 2.

\*p≤.05, \*\*p≤0.001

N = Sampel Keseluruhan

SSKR = Subsampel Keluarga Berisiko Rendah

SSKT = Subsampel Keluarga Berisiko Tinggi

ini adalah konsisten dengan andaian yang dibuat oleh Bronfenbrenner. Penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko didapati dipengaruhi oleh pendidikan ibu, bilangan anak, tahap risiko dan tingkah laku keibubapaan. Walau bagaimanapun pendapatan bulanan keluarga didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan mana-mana aspek penyesuaian tingkah laku anak yang dikaji.

Secara keseluruhan, kajian mendapati wujud perkaitan yang signifikan dan negatif antara bilangan anak dengan resiliensi kanak-kanak. Pola yang sama juga ditunjukkan dalam subsampel keluarga berisiko rendah. Kajian mendapati bilangan anak yang ramai dalam subsampel keluarga berisiko rendah memberi kesan negatif kepada perkembangan resiliensi anak. Hasil kajian ini adalah konsisten dengan model faktor risiko dan perkembangan kanak-kanak (Shumow *et al.* 1998; Dodge *et al.* 1994; Sumow dan Luster 1994; Jens dan Gordon 1991) yang dibincangkan dalam kerangka kerja konseptual. Model ini mengandaikan bilangan anak yang ramai merupakan faktor risiko yang boleh memberi impak negatif kepada perkembangan resiliensi anak. Berdasarkan kepada model resiliensi (Murry dan Brody 1999; Luster dan McAdoo 1994; Bogenschneider 1996) tahap resiliensi kanak-kanak dalam keluarga berisiko boleh ditingkatkan dengan kehadiran faktor pelindung. Bagaimanapun dalam kajian ini didapati tidak ada satu pun variabel yang dikaji boleh dijadikan faktor pelindung untuk membantu anak memantul semula dari tekanan hidup. Keadaan ini menjelaskan sebab tahap resiliensi anak yang terlibat dalam kajian adalah rendah.

Estim diri responden anak keseluruhan didapati dipengaruhi oleh pendidikan yang diterima oleh ibu dan tingkah laku keibubapaan. Bilangan anak pula didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan estim diri hanya dalam subsampel keluarga berisiko rendah. Analisis regresi berganda menunjukkan tahap pendidikan ibu dan tingkah laku keibubapaan mempunyai perkaitan yang signifikan secara kelainan dengan estim diri anak. Model kecekapan (Waters dan Lawrence 1993) dan model faktor pelindung dan perkembangan kanak-kanak (Murry dan Brody 1999; Franco dan Levitt 1998; Lamborn Dornbusch dan Steirnerberg 1996) mengandaikan pendidikan

ibu dan tingkah laku keibubapaan boleh dijadikan sumber dan faktor pelindung untuk meningkatkan tahap estim diri anak di kalangan keluarga berisiko. Oleh yang demikian, hasil kajian ini adalah konsisten dengan kedua-dua model tersebut.

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan pencapaian akademik anak keseluruhan dipengaruhi oleh tahap risiko dan pendidikan yang diterima oleh ibu. Analisis regresi berganda pula menunjukkan tahap pendidikan ibu menyumbang secara unik ke atas pencapaian akademik anak. Oleh yang demikian tahap pendidikan ibu merupakan sumber kekuatan yang dipunyai oleh ibu untuk membantunya mendidik dan membesarkan anak dalam persekitaran keluarga yang berisiko. Maka hasil kajian ini menyokong andaian model kecekapan yang telah dibincangkan sebelum ini.

#### IMPLIKASI

Hasil kajian ini adalah konsisten dengan Teori Ekologi Manusia (Bronfenbrenner 1979) dan juga kajian terdahulu yang mendapati bahawa faktor latar belakang keluarga dan tingkah laku keibubapaan boleh mempengaruhi perkembangan emosi dan kognitif anak. Kajian ini juga menyokong andaian model kecekapan (Waters dan Lawrence 1993) yang menyatakan ibu yang tinggal dalam persekitaran yang mencabar mempunyai sumber kekuatan dalaman diri yang boleh digunakan untuk membentuk anak yang cekap dan berpotensi. Oleh yang demikian kajian ini memberi implikasi bahawa pendidikan yang diterima oleh ibu merupakan sumber kekuatan diri yang boleh mempengaruhi tahap estim diri dan pencapaian akademik anak dalam keluarga berisiko di luar bandar.

Ibu bapa yang berpendidikan tinggi kebiasaannya melihat hubungan anak sebagai dua hala, bersifat timbal balik (Dekovic dan Gerris 1992), banyak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak dan mengamalkan komunikasi yang positif dan terbuka. Komunikasi yang terbuka membolehkan ibu bapa menunjukkan kasih sayang melalui sentuhan, kemesraan dan sokongan. Adalah menjadi fitrah manusia untuk disayangi dan menyayangi. Tanpa kasih sayang, seseorang itu mungkin menghadapi pelbagai masalah emosi (Kamarudin 1996). Justeru itu, ibu bapa perlu mempelajari bagaimana untuk menjadi seorang pendengar

yang aktif dan juga mengesahkan keperluan dan permasalahan anak-anak mereka (Rak dan Patterson 1996).

Andaian model faktor risiko dan perkembangan kanak-kanak (Shumow *et. al.* 1998; Dodge *et al.* 1994; Small dan Luster 1994; Jens dan Gordon 1991) yang telah dibincangkan sebelum ini adalah konsisten dengan hasil kajian ini. Kajian mendapati bahawa bilangan anak yang ramai memberi impak negatif ke atas tahap resiliensi anak. Ini kerana bilangan anak yang ramai boleh mengurangkan perhatian dan kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak. Di samping itu, ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai lebih cenderung menggunakan pendekatan autoritarian dan permisif dalam mendidik dan membesarkan anak yang memberi impak negatif ke atas perkembangan anak (Luster dan McAdoo 1994; Menaghan dan Parcel 1991; McLoyd 1990). Hasil kajian juga menunjukkan kualiti tingkah laku keibubapaan mempengaruhi tahap estim diri anak. Justeru itu, program intervensi yang inovatif dan komprehensif bagi meningkatkan kemahiran tingkah laku keibubapaan dan fungsi keluarga perlu diadakan bagi membantu ibu bapa menjana kemahiran dalam merangsang perkembangan anak.

### RUJUKAN

BISCHOE, B. dan B. HARRIS. 1994. *Resiliency Attitudes Scale*. Oklahoma: University of Oklahoma.

BURNETT, P. 1996. Gender and grade differences in elementary school-going children's descriptive and evaluative self-statements and self-esteem. *School Psychology International* 17: 159-170.

BRONFENBRENNER, U. 1979. *The Ecology of Human Development*. Cambridge, MA: Harvard University.

BOGENSCHNEIDER, K. 1996. An ecological risk/protective theory for building prevention programs, policies, and community capacity to support youth. *Family Relations* (Online) 45(2): 127. Available: <http://gw6.epnet.com/fulltext.asp?resultS...Iding%20prevention%20programs&gotoFT=true>. [1999, Jan 12].

CONNELL, P. J. dan M. B. SPENCER. 1994. Educational risk and resilience in African-American youth: Context, self, action and outcomes in school. *Child Development* 65: 493-506.

DEROVIC, M. dan J. R. M. GERRIS. 1992. Parental reasoning complexity, sosial class, and child

rearing behaviors. *Journal of Marriage and the Family* 54: 678-685.

DODGE, K. A., G. S. PETTIT dan J. E. BATES. 1994. Socialization mediators of the relation between socioeconomic status and child conduct problems. *Child Development* 65: 649-665.

DUMKA, L. E. dan M. W. ROOSA. 1995. Using research and theory to develop prevention programs for high risk families. *Family Relations* (Online) 44(1): 78. Available: [Wysiwyg://bodyframe.35/http://ehostweb5.epnet.com/fulltext.asp](http://bodyframe.35/http://ehostweb5.epnet.com/fulltext.asp). (1999, Sept. 14)

FAGEN, D. B. dan E. L. COWEN. 1996. Relationships between parent-child relational variables in highly stressed urban families. *Child Study Journal* (Online) 26(2): 87. Available: <http://gw2.epnet.com/fulltext.asp?resultS...child%20relational&fuzzyTerm=&gotoFT=true>. [1998, Dec 15]

FRANCO, N. dan M. J. LEVITT. 1998. The sosial ecology of middle childhood: Family support, friendship quality and self-esteem(A). *Family Relations* (Online) 47(4): 315. Available: <http://gw6.epnet.com/fulltext.asp?resultS...m=&fuzzyTerm=Family%ecology&gotoFT=true> [1999, Jan 11].

FILAZOF, E. M dan H. K. ALBERTIN. 1998. Relationship of adolescent self-esteem to selected academic variable. *Journal of School Health* (Online) 65(2): 68. Available: <http://gw9.epnet.com/fulltext.asp?resu...=adolescent%20self%20esteem&fuzzyTerm=>[1999, (1999, October 10)

FULIGNI, A. J. 1997. The academic achievement of adolescents from immigrant families: The roles of family background, attitudes and behavior. *Child Development* 68(2): 351-363.

GARRET, P., N. NG'ANDU dan J. FERRON. 1994. Poverty experiences of young children and the quality of their environment. *Child Development* 65: 331-343.

GERARD, J. M. dan C. BUEHLER. 1999. Multiple risk factors in the family environment and youth problem behaviors. *Journal of Marriage and the Family* 61(2): 343.

GORDON, K. A. 1996. Resilient Hispanic youths' self concept and motivational patterns. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences* (Online) 18(1): 63. Available: <http://gw2.epnet.com/fulltext.asp?resultS...tNum=171&booleanTerm=resilient&fuzzyTerm=> (1999, July 25).

- HARE, B. R. 1985. The HARE general and area specific 9 school, peer and home self-esteem scale. Unpublished manuscript. Department of Sociology, SUNY Stony Brook, New York.
- HARTOS, J. L. dan T. G. POWER. 1997. Mother's awareness of their early adolescent's stressor: Relation between awareness and adolescent adjustment. *Journal of Early Adolescence* 17(4): 371-390.
- HASHIMA, P. Y. dan P. R. AMATO. 1994. Poverty, social support and parental behavior. *Child Development* 65: 394-403.
- JENS, K. G. dan B. N. GORDON. 1991. Understanding risk: Implications for tracking high-risk infants and making early service decisions. *International Journal of Disability* 38: 211-224.
- KAMARUDIN, H. 1996. *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak Sekolah*. Kuala Lumpur : Lohprint Sdn. Bhd.
- LAMBORN, S. D., S. M. DORNBUSCH dan L. STEINBERG. 1996. Ethnicity and community context as moderators of the relations between family decision making and adolescent adjustment. *Child Development* 67: 283-301.
- LAWRENCE, D. 1996. *Enhancing Self-esteem in the Classroom*. London: Paul Chapman Publishing.
- LUSTER, T. dan H. P. McADOO. 1994. Factors related to the achievement and adjustment of young African American children. *Child Development* 65: 1080-1094.
- MAYHEW, K. P. dan J. D. LEMPERS. 1998. The relation among financial strain, parenting, parent self-esteem, and adolescent self-esteem. *Journal of Marriage and the Family* (Online) 18(2): 145. Available : <http://gw9.epnet.com/fulltext.asp?resu...=adolescent%20self%20esteem&fuzzyTerm=> (1999, Jun 10)
- MENAGHAN, E. G. dan T. L. PARCEL. 1991. Determining children's home environment: The impact of maternal characteristics and current occupational and family conditions. *Journal of Marriage and the Family* 53: 417-431
- McLOYD, V. C. 1990. The impact of economic hardship on black families and children: Psychological distress, parenting, and socioemotional development. *Child Development* 61: 190-198.
- MILLER, J. E dan D. DAVIS. 1997. Poverty history, marital history and quality of children's home environments. *Journal Marriage & the Family* (Online) 59(4): 996. Available: <http://gw6.epnet.com/fulltext.asp/resultS...%20and%20quality%of%20child&gotoFT=true> (1999, Jan 12)
- MURRY, V. M dan G. H. BRODY. 1999. Self-regulation and self worth of black children reared in economically stressed, rural, single mother-headed families. *Journal of Family Issues* 20(4): 458-484.
- PUNGELLO, E. P., J. B. KUPERSMIDT, M. R. BURCHINAL dan C. J. PATTERSON. 1996. Environmental risk factors and children's achievement from middle childhood to early adolescence. *Developmental Psychology* 32(4): 755-767.
- RAK, C. F. dan L. E. PATTERSON. 1996. Promoting resilience in at-risk families. *Journal of Counseling & Development* (Online) 74(4): 368. Available : <http://gw5.epnet.com/fulltext.asp?resultS...and%20children%20well%2dbeing&gotoFT=true>. (1999, Jan 7).
- ROZUMAH, B., Y. SITI NOR, M. ABDULLAH AL-HADI, B. MAZNAH dan M. T. AIDAH. 1999a. *Kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam Malaysia*. Selangor : Universiti Putra Malaysia.
- ROZUMAH, B., Y. SITI NOR, M.K. ABDULLAH AL-HADI, K. ROJANAH, M. T. AIDAH dan K.H. KOH. 1999b. *Impak Pelbagai Struktur Keluarga Terhadap Kehidupan Anak*. Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- SCHREIBER, E. H. dan K. N. SCHREIBER. 1995. Using relaxation techniques and positive self-esteem to improve academic achievement of college students. *Psychological Reports* 76(3): 929-930.
- SHUMOW, L., D. L. VANDELL dan J. K. POSNER. 1998. Harsh, firm, and permissive parenting in low-income families. *Journal of Family Issues* 19(5): 483-507.
- SIMONS, R. L., F. O. LORENZ, R. D. CONGER dan C. WU. 1992. Support from spouse as mediator and moderator of the disruptive influence of economic strain on parenting. *Child Development* 63: 1282-1301.
- SMALL, S. A. dan T. LUSTER. 1994. Adolescents sexual activity: An ecological, risk factor approach. *Journal of Marriage and the Family* 56: 181-192.
- STEIRNBERG, N. S., L. MOUNTS, S. D. LAMBORN dan S.M. DORNBUSCH. 1991. Authoritative parenting and adolescent adjustment. *Journal of Research on Adolescence* 1: 19-36.

- STERN, S.B., C. A. SMITH dan S. J. JANG. 1999. Urban families and adolescent mental health. *Social Work Research* (Online) **23**(1): 15. Available: [wysiwyg://bodyframe.35/http://chostweb5epnet.com/fulltext.asp](http://wysiwyg://bodyframe.35/http://chostweb5epnet.com/fulltext.asp). (1999, Sept 14).
- SOLIS-CAMARA, P. R. dan R. A. FOX. 1996. Parenting practices and expextations among mexican mothers with young children. *Journal of Genetic Psychology* (Online) **157**(4): 465. Available: <http://gw10epnet.com/fulltext.asp?result...eanTerm=parental%20behavior%20&fuzzyTerm=> [1999, July 26]
- VOSLER, N. R. dan E. K. PROCTOR. 1990. Stress and competence as predictors of child behavior problems. *Social Work Research and Abstracts* (Online) **26**(2): 3. Available : <http://gw6epnet.com/fulltext.asp?resultS...ooleanTerm=%20child%20behavior&fuzzyTerm=>(1998. Dec 16).
- VOYDANOFF, P. dan B. W. DONNELLY. 1998. Parents' risk and protective factors as predictors of parental well-being and behavior. *Journal of Marriage and the Family* (Online) **60**(2): 344. Available: <http://gw10.epnet.com/fulltext-asp?result...eanTerm=parental%20behavior%20&fuzzyTerm=> (1999, July 26).
- VOYDANOFF, P. 1990. Economic distress and family relations: A review of the eighties. *Journal of Marriage and the Family* **52**: 1099-1115.
- WATERS, D. dan E. LAWRENCE. 1993. *Competence, Courage, and Change: An Approach to Therapy*. New York: Norton.
- WAXMAN, H. C. dan S. Y. L. Huang. 1996. Motivation and learning environment differences in inner-city middle school students. *Journal of Educational Research* (Online) **90**(2): 93. Available : <http://gw2.epnet.com/fulltext-aspresultS...tNum=129&booleanTerm=resilient&fuzzyTerm=>(1999, July 25).
- \_\_\_\_\_. 2001. *Laporan Rancangan Malaysia Kelapan*. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

(Diterima: 29 Mei 2003)